

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. DATO' SRI HAJI ABDUL AZEEZ BIN
ABDUL RAHIM
(BALING)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 25.05.2016

**Y.B. DATO' SRI HAJI ABDUL AZEEZ BIN ABDUL RAHIM [BALING
] minta MENTERI KEWANGAN menyatakan :-**

- a. bagaimanakah industri perbankan Islam mempelbagaikan produk untuk memenuhi kehendak dan keperluan pasaran yang semakin mencabar; dan
- b. apakah perbezaan antara akaun deposit dan akaun pelaburan yang diperkenalkan baru-baru ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, institusi-institusi perbankan Islam sentiasa diberi galakan untuk terus mempelbagaikan produk kewangan mereka bagi memenuhi kehendak dan keperluan pasaran yang semakin mencabar. Pada hari ini, lebih 100 jenis produk perbankan Islam telah berada di pasaran merangkumi produk perbankan runcit, perniagaan dan korporat. Selain itu, industri perbankan Islam turut digalakkan untuk mempelbagaikan kontrak Syariah dan tidak terhad kepada *murabahah*, *ijarah* dan *tawaruq* sahaja. Bagi tujuan ini, Bank telah menerbitkan piawaian kontrak Syariah dan keperluan operasi bagi mendidik institusi perbankan Islam untuk menjadi lebih inovatif. 14 kontrak Syariah telah dan sedang dirangka antaranya, *murabahah*, *musharakah*, *mudarabah*, *istisna`*, *tawaruq*, *ijarah*, *wadi`ah*, *wakalah*, *kafalah*, *hibah*, *qard*, *wa`d*, *sarf* dan *rahn*. Dalam aspek pembiayaan perumahan misalnya, selain kontrak *tawaruq* yang digunapakai, institusi perbankan Islam telah mula mengunapakai kontrak *musharakah mutanaqisah* yang lebih inovatif. Di peringkat perbankan korporat dan sukuk, produk-produk yang mengandungi kontrak hibrid turut diperkenalkan, misalnya *wakalah bi al-wakalah istithmar* (wakil pelaburan).

Selain itu, aplikasi kontrak-kontrak ini bertepatan dengan pelaksanaan Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 (APKI). Melalui Akta ini, bank-bank Islam diberi ruang yang lebih luas untuk berperanan bukan sahaja sebagai pengantara kredit tetapi juga

pengantara pelaburan. Pelancaran Platform Akaun Pelaburan (*Investment Account Platform*), sebuah sistem atas talian pada 17 Februari 2016 merupakan satu langkah signifikan daripada segi memperluaskan skop pengantara pelaburan bank-bank Islam. Platform ini mempelawa pelabur-pelabur, sama ada pelabur runcit atau pelabur besar, untuk melabur dalam projek-projek yang ditawarkan oleh bank-bank Islam.

Tuan Yang di-Pertua,

Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 (APKI) telah mengklasifikasikan takrif akaun deposit dan akaun pelaburan seperti berikut:

(i) Akaun Deposit ditakrifkan sebagai deposit yang dijamin oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM) iaitu bank akan membayar balik sepenuhnya amaun prinsipal kepada penyimpan; manakala

(ii) Akaun Pelaburan ialah produk yang berdasarkan perkongsian untung. Berbeza dengan deposit, ia tidak dijamin oleh PIDM kerana ia distruktur mengikut profil risiko dan pulangan yang berbeza. Pelabur boleh menikmati keuntungan yang lebih tinggi berbanding deposit tetapi pada masa yang sama juga boleh menanggung kerugian. Dalam hubungan ini, keperluan untuk telus dan penzahiran tinggi adalah komponen penting dalam akaun pelaburan.